



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100/2/1/2 JLD 3 () 09/10

ISU PAKAIAN TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN
YB SENATOR LIEW CHIN TONG

Kementerian Pertahanan mengambil maklum isu yang tular di media sosial berhubung pemakaian Timbalan Menteri Pertahanan, YB Senator Liew Chin Tong semasa Pemeriksaan Kawalan Kwartar di Markas Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat di Kuching pada 26 Oktober lalu, yang didakwa menyerupai pakaian seragam Komunis.

Tuduhan bahawa Timbalan Menteri Pertahanan 'dengan sengaja' memakai pakaian menyerupai tentera Komunis ketika membuat Pemeriksaan Kawalan Kwartar tersebut adalah tidak benar.

Untuk makluman, pakaian yang dipakai oleh Timbalan Menteri Pertahanan pada waktu tersebut adalah baju korporat rasmi (Bush Jacket) yang disediakan oleh Kementerian Pertahanan kepada Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan untuk lawatan kerja khususnya melibatkan lawatan ke markas formasi dan kem-kem.

Ianya juga sebagai mematuhi arahan Menteri Pertahanan YB Tuan Hj Mohamad bin Sabu bahawa pakaian seragam tentera tidak boleh dipakai oleh orang awam dan hanya boleh dipakai oleh anggota tentera sahaja yang telah melalui fasa latihan ketenteraan.

-Tamat-

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
31 Oktober 2018



Gambar atas- Tuduhan terhadap pemakaian YB Timbalan Menteri Pertahanan oleh Presiden Jaringan Melayu Malaysia JMM Dato' Azwanddin Hamzah



Gambar 1 – Menteri Pertahanan YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu memakai pakaian Baju Korporat (Bush Jacket) warna *Light Tan* sebagai pakaian rasmi bagi menghadiri acara rasmi Kementerian Pertahanan